

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
SABAH
DAN PEJABAT-PEJABAT DAERAH

2022 SEHINGGA **2026**

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
SABAH
DAN PEJABAT-PEJABAT DAERAH**

2022-2026

A M A N A T KEPIMPINAN

Alhamdulillah segala puji bagi Allah, dengan izin-Nya Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah 2022-2026 dapat diterbitkan sebagai rujukan dan panduan kepada semua pegawai dan kakitangan di peringkat kementerian dan pejabat daerah dalam usaha untuk memantapkan governans, integriti dan antirasuah.

Terdapat beberapa inisiatif yang telah dirangka di dalam OACP ini yang melibatkan sesi *brainstorming* di antara pegawai-pegawai kementerian dan pegawai-pegawai daerah serta penolong pegawai daerah. Inisiatif yang telah dirangka ini merupakan hasrat dan matlamat kementerian dan pejabat daerah untuk memastikan perkhidmatan yang lebih berkualiti dapat disampaikan kepada rakyat dan menjadi organisasi yang berintegriti serta bebas rasuah.

Kesemua inisiatif ini tidak akan dapat dicapai tanpa kerjasama dan penglibatan semua pihak sama ada di peringkat kementerian mahupun daerah. Sehubungan dengan itu, saya berharap agar semua pegawai/kakitangan kementerian dan pejabat-pejabat daerah komited dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif yang terkandung di dalam OACP ini.

Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepda semua yang terlibat dalam pembangunan OACP Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah. Besar harapan saya agar OACP ini dapat dijadikan bahan rujukan oleh semua warga kerja kementerian dan pejabat daerah dari kumpulan pengurusan dan profesional sehingga kumpulan pelaksana bagi membudayakan elemen integriti dan ketelusan dalam perkhidmatan.

Sekian.

.....
(DATUK JAHID BIN JAHIM)
Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah

“SABAH MAJU JAYA”



**YANG
BERHORMAT
DATUK JAHID
BIN JAHIM**

**MENTERI
PEMBANGUNAN
LUAR BANDAR SABAH**

PERUTUSAN SETIAUSAHA TETAP

Saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah telah berjaya menghasilkan satu pelan khusus sebagai panduan dalam agenda pemerkasaan integriti dan governans secara ikhususif dan bersepadu. Pelan Antirasuah Organisasi (OACP 2022-2026) dibangunkan dengan mengambil kira keperluan untuk membentuk budaya dan sistem yang berteraskan governans dan integriti terutamanya dalam memberi perkhidmatan yang lebih berkualiti kepada rakyat.

Sebanyak 17 inisiatif telah dirangka untuk dilaksanakan oleh pelbagai Bahagian/Unit yang telah dikenalpasti sebagai peneraju berdasarkan bidang keutamaan masing-masing dengan keperluan masa kini. Kerangka dasar dan strategi di dalam OACP KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah ini terhasil melalui libat urus bersama semua pihak berkepentingan dan dimuktamadkan melalui Jawatankuasa Pembangunan OACP KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah. Jawatankuasa ini mencerminkan kesepakatan dan persetujuan bersama secara langsung bagi memastikan inisiatif-inisiatif yang telah dipersetujui dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Untuk merealisasikan OACP KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah, usaha perlu digembleng melalui pendekatan kerjasama dan perkongsian pintar bagi memacu pelaksanaan semua strategi yang digariskan. Kerjasama dan sokongan semua pihak merupakan kunci utama bagi mencapai keberhasilan yang dihasratkan. Dalam hubungan ini, saya menyeru semua warga KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah menyemai iltizam tinggi untuk memastikan setiap dalam diri kita mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh seterusnya dapat membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika organisasi.

Adalah menjadi harapan saya OACP KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah mendapat sokongan semua peringkat agar dapat membentuk organisasi yang bebas rasuah dengan warganya membudayakan elemen ketelusan, akauntabiliti dan integriti.

Sekian, terima kasih.
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(DATUK HAJI FAIMIN BIN KAMIN)
Setiausaha Tetap
Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah

“SABAH MAJU JAYA”



DATUK HAJI FAIMIN BIN KAMIN

**SETIAUSAHA TETAP
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN
LUAR BANDAR SABAH**

ISI KANDUNGAN

AMANAT KEPIMPINAN

PERUTUSAN SETIAUSAHA TETAP

BAB 1

PENGENALAN

BAB 2

CABARAN MENANGANI RASUAH

BAB 3

MENGENAI KERANGKA PELAN

BAB 4

**PELAN TINDAKAN OACP KPLB SABAH
DAN PEJABAT-PEJABAT DAERAH**

BAB 5

KAEDAH PEMANTAUAN PENILAIAN

KESIMPULAN

PENGHARGAAN

ISI KANDUNGAN

→ AMANAT KEPIMPINAN

→ PERUTUSAN SETIAUSAHA TETAP

→ ISI KANDUNGAN

1	Latar Belakang Organisasi.....	1 - 2
	Visi, Misi, Objektif.....	3
	Pelaksanaan Dasar Integriti dan Tadbir Urus.....	4 - 11
2	Keperluan Organisasi Menangani Rasuah Dari Pelbagai Perspektif.....	12
	Penilaian Risiko.....	13 - 14
	Kupasan Data.....	15 - 21
3	Kerangka OACP KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah..	22 - 23
	Aktiviti dan Bidang Utama yang Terdedah kepada Rasuah, Masalah Pelanggaran Integriti dan Tadbir Urus.....	24 - 25
	Keutamaan Strategi: Penekanan 17 Inisiatif.....	26
	Inisiatif 1 – 17.....	27 - 28
4	Pelan Tindakan OACP KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah: Strategi 1-3.....	29 - 33
5	Mekanisma Pelaksanaan dan Pemantauan.....	34 - 35
	Mekanisma Penyelarasan dan Penilaian.....	36

→ KESIMPULAN


→ PENGHARGAAN

→ LAMPIRAN

BAB 1

DWD T


- Latar Belakang Organisasi
- Visi, Misi, Objektif
- Pelaksanaan Dasar Integriti dan Tadbir Urus



LATAR BELAKANG KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SABAH

Pusat Pembangunan Masyarakat (Community Development Centre) diwujudkan pada **Mei 1968** dengan tujuan **meneliti masalah-masalah serta mengkaji keperluan rakyat di negeri ini.**

Pada awalnya, dikenali sebagai CDC yang diletakkan di bawah **Jabatan Ketua Menteri** dengan **kerjasama agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan** untuk memberi sinar baharu kepada masyarakat luar bandar yang jauh ketinggalan dari segi pembangunan.



31 Julai 1972

Dinaiktaraf kepada **Jabatan Kemajuan Masyarakat** dan ianya diletakkan di Jabatan Ketua Menteri sehingga **Mei 1986** dibawah pengendalian Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Luar Bandar.

Bangunan Pusat Pembangunan Masyarakat yang baharu terletak di **Jalan Sanzac Sembulan** dan dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia yang ke-2, **YAB Tun Haji Abdul Razak bin Dato Hussien**.

1 Januari 1980

Februari 1995

Kementerian Pembangunan Luar Bandar diwujudkan dengan menggabungkan fungsi-fungsi seperti **Pembangunan Masyarakat, Pentadbiran Daerah dan Unit Pembangunan Masyarakat** Menjadi satu intipati penting dalam memastikan program di kawasan luar bandar.

Jabatan Kemajuan Masyarakat diberikan nama baharu iaitu **Jabatan Pembangunan Luar Bandar (JPLB)**.

17 November 1995

1999

Kementerian pernah ditukar nama kepada **Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Keusahawanan (KPLBK)** untuk sepenggal dan akhirnya dikekalkan dengan nama **Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)**.

VISI

Mensejahterakan
Luar Bandar

Menyelaras dan
Melaksanakan Program
Kesejahteraan Luar Bandar

MISI

OBJEKTIF

Penggerak utama dalam menjadikan kawasan luar bandar satu kawasan yang produktif, menarik, maju dan menguntungkan dengan memberi fokus kepada lubuk-lubuk pembasmian kemiskinan.

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) kali pertama yang dipengerusi oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Jun 2018 telah memutuskan bahawa setiap Kementerian/Jabatan perlu merangka dan menyediakan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) masing-masing berpandukan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) bagi menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN). Penyediaan Pelan Antirasuah ini bertujuan untuk menetapkan sasaran yang praktikal berdasarkan inisiatif yang akan diambil dalam menangani masalah rasuah, integriti dan tadbir urus dalam negara bagi tempoh lima (5) tahun akan datang.

PELAKSANAAN DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SABAH DAN PEJABAT-PEJABAT DAERAH

Surat Pekeliling Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri
Rujukan: JKM(S). 100-4/62 (40) bertarikh 30 Disember 2019

Jawatankuasa Antirasuah (JAR) di peringkat Negeri telah membuat keputusan mewajibkan semua kementerian bersama dengan jabatan dan agensi dibawah seliannya untuk membangun dan menggubal Pelan Antirasuah Organisasi selaras dengan Pelan Antirasuah National 2019-2023 dibawa Bidang Keutamaan Pentadbiran Sektor Awam Strategi 2 Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam Objektif Strategik 2.1 Merekayasa Perkhidmatan Awam ke Arah Tadbir Urus Baik. Sehubungan dengan itu, Pelan Antirasuah Organisasi Kementerian bersama dengan jabatan dan agensi dibawah selian masing-masing hendaklah dibangun dan digubal dalam **tempoh satu (1) tahun mulai Januari hingga Disember 2020.**

DASAR KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SABAH

Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah berperanan sebagai penggerak utama dalam menjadikan kawasan luar bandar Sabah sebagai satu kawasan produktif, menarik, maju dan menguntungkan dengan memberi fokus kepada pembasmian kemiskinan.

Kementerian memberi tumpuan kepada peningkatan pendapatan dan kualiti hidup golongan miskin melalui program-program seperti berikut:

PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN

PERUNTUKAN KHAS

PROGRAM PEMBANGUNAN KECIL LUAR BANDAR

PROGRAM AMENITI DAN EKONOMI DESA

PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN DESA

PROGRAM SATU DAERAH SATU PRODUK

PROGRAM RUMAH SEJAHTERA RAKYAT (RSRS)

PROGRAM AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN (AET)

PROGRAM BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR (BELBA)

PROGRAM BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALBA)

PROGRAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT

PROGRAM-PROGRAM KPLB SABAH

Program Pembasmian Kemiskinan

- Membasmi kemiskinan terutama golongan miskin tegar dikalangan masyarakat luar bandar melalui Program Peningkatan Ekonomi, Program Peningkatan Kualiti Hidup dan Pembangunan Modal Insan.

Peruntukan Khas

- Membangunkan kawasan luar bandar dengan pelaksanaan projek kemudahan awam dan kesejahteraan rakyat.

Program Pembangunan Kecil Luar Bandar

- Membangunkan prasarana/kemudahan asas di kawasan luar bandar.

Program Ameniti Dan Ekonomi Desa

- Membangunkan kampung-kampung yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi serta kemudahan awam yang daif melalui Program Kampung Sejahtera.
- Melestarikan alam sekitar di kawasan luar bandar melalui program penganjuran kursus Alam Sekitar di kawasan luar bandar.

Program Pembangunan Usahawan Desa

- Meningkatkan pendapatan golongan sasar melalui aktiviti keusahawanan.

Program Satu Daerah Satu Produk

- Meningkatkan pendapatan golongan sasar melalui aktiviti/projek ekonomi hiliran nilai tambah.

PROGRAM-PROGRAM KPLB SABAH

Program Rumah Sejahtera Rakyat Sabah (RSRS)

- Menyediakan rumah yang lebih selesa kepada KIR penduduk miskin tegar di seluruh Sabah.
- Menyediakan perumahan kepada keluarga miskin tegar yang berdaftar dalam sistem e-Kasih/diendos dalam Jawatankuasa Focus Group Daerah.

Program Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET)

- Melibatkan peserta MESEJ di kawasan MESEJ terutama MESEJ kelapa sawit dan getah dalam bidang pertanian, penternakan dan ekonomi desa lain termasuk kursus/latihan.
- Aktiviti Ekonomi Tambahan yang akan dilaksanakan adalah tanaman nanas MD2, ternakan madu kelulut, tanaman nangka madu dan kelapa pandan.

Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELBA)

- Menampung ketiadaan bekalan elektrik grid oleh SESB.
- Pelaksanaannya adalah melalui pembinaan Mikro Hidro selama 24 jam dengan membekalkan solar kepada rumah penduduk kampung.

Program Bekalan Air Luar Bandar (BALBA)

- Merupakan sistem paip air graviti, telaga tiub dan sumber air bawah tanah di kawasan kampung terpencil yang jauh daripada capaian Sistem Retikulasi Jabatan Air Negeri Sabah.

Program Pembangunan Masyarakat

- Menyelaraskan Pentadbiran Badan JPKK Negeri Sabah.
- Membangunkan wanita luar bandar melalui kursus seperti Kursus Kemahiran Jahitan

Pejabat Daerah merupakan institusi pentadbiran yang terawal di Negeri Sabah iaitu sejak pemerintahan British dan memainkan peranan-peranan utama seperti berikut:

PERANAN PEJABAT-PEJABAT DAERAH

Sebagai pusat pentadbiran, perkhidmatan dan kepimpinan, rujukan, maklumat, bantuan, penyelarasan, pelaksanaan dasar dan undang-undang serta nadi pentadbiran dan imej kerajaan di peringkat akar umbi khususnya di kawasan luar bandar.

Dari aspek pembangunan, pejabat daerah merupakan perancang, pelaksana dan pemantau secara langsung bagi projek-projek kecil pembangunan luar bandar khususnya kemudahan-kemudahan asas, ameniti sosial dan juga pembangunan ekonomi bagi kumpulan sasar khususnya kepada golongan miskin tegar dan miskin.

Pejabat daerah juga berperanan sebagai penyelarasan utama bagi projek-projek Kerajaan Persekutuan yang bersifat '*People Centric*' ke arah pemodenan desa seperti Jalan Perhubungan Desa (JPD), Projek Ameniti Sosial (PAMS), Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELBA), Bekalan Air Luar Bandar (BALBA), Jalan Luar Bandar (JALB), Lampu Jalan Kampung (LJK) dan program-program pembasmian kemiskinan Kerajaan Persekutuan yang lain.

Menyelaras penyaluran peruntukan kerajaan negeri kepada ADUN masyarakat setempat.

Bertanggungjawab mengawal, menyelia dan memantau pentadbiran kampung-kampung melalui institusi JPKK.

SENARAI DAERAH PENUH DAN KELUASAN

BIL	DAERAH	KELUASAN
1.	Beaufort	1,753 km persegi
2.	Beluran	7,717 km persegi
3.	Keningau	3,533 km persegi
4.	Kinabatangan	6,604 km persegi
5.	Kota Belud	1,386 km persegi
6.	Kota Marudu	1,917 km persegi
7.	Kuala Penyu	453 km persegi
8.	Kudat	1,287 km persegi
9.	Kunak	1,134 km persegi
10.	Lahad Datu	7,444 km persegi
11.	Nabawan	6,089 km persegi
12.	Papar	1,243 km persegi
13.	Penampang	425 km persegi
14.	Pitas	1,419 km persegi
15.	Ranau	3,608 km persegi
16.	Semporna	1,145 km persegi
17.	Sipitang	2,732 km persegi
18.	Tambunan	1,347 km persegi
19.	Tenom	2,409 km persegi
20.	Tongod	10,054 km persegi
21.	Tuaran	1,165 km persegi
22.	Putatan	40 km persegi
23.	Telupid	1,704 km persegi
24.	Kalabakan	3,878.5 km persegi



SENARAI DAERAH KECIL DAN KELUASAN

BIL	DAERAH	KELUASAN
1.	Banggi	699.27 km persegi
2.	Kemabong	1,812 km persegi
3.	Matunggung	642.31 km persegi
4.	Membakut	132.8 km persegi
5.	Menumbok	191.66 km persegi
6.	Paitan	2,466 km persegi
7.	Sook	1,935 km persegi
8.	Tamparuli	499.2 km persegi
9.	Tungku	2,406 km persegi
10.	Pagalungan	2,056.613 km persegi
11.	Kiulu	647 km persegi

PETA NEGERI SABAH PEJABAT DAERAH PENUH DAN PEJABAT DAERAH KECIL




PETUNJUK:



PEJABAT DAERAH PENUH



PEJABAT DAERAH KECIL



DEWAN BANDARAYA DAN MAJLIS PEMBANDARAN

BAB 2

- Keperluan Organisasi Menangani Rasuah Dari Pelbagai Prespektif
- Penilaian Risiko
- Kupasan Data



PAED - KAMPUNG PAKIAK, SIRITANG



PAED - KAMPUNG POPOK LAUT, KOTA MARUDU



PAED - KAMPUNG TIANG LAMA, RANAU



PAED - KAMPUNG NAKADONG, PAITAN



PAED - KAMPUNG SUNGAI NIPAH, TUNGKU




PAED - KAMPUNG KOPUNADAN, MATUNGGONG

Berdasarkan trend rasuah di Malaysia dalam tempoh lima (5) tahun yang lalu (2017-2021), sektor awam dilihat sebagai sektor yang paling berisiko terhadap amalan rasuah. Berbanding tahap risiko 17.06% oleh sektor swasta, sektor awam mencatatkan tahap risiko yang jauh lebih tinggi, iaitu 63.30%. Hal ini disebabkan oleh tadbir urus yang lemah dalam bidang perolehan, agensi penguatkuasaan undang-undang serta pentadbiran. Fenomena risiko rasuah yang tinggi di sektor awam ini turut disokong oleh statistik SPRM.

Kedudukan Malaysia bagi indeks persepsi Rasuah (CPI) bagi tahun 2019 meningkat ke tangga 51 daripada 180 negara berbanding pada tangga 61 pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, skor indeks hanya mampu untuk menggambarkan kedudukan relatif sesebuah negara dalam carta rasuah antarabangsa. Nilai skor ini tidak berupaya untuk menggambarkan apatah lagi mengukur dengan tepat tahap pencapaian inisiatif antirasuah di sesebuah negara.

Berdasarkan konteks semasa, senario ini turut memberi impak kepada KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah kerana fungsi utama KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah amat berkait rapat kepada penyampaian perkhidmatan kepada rakyat khususnya masyarakat luar bandar. Sekiranya isu integriti dan rasuah berleluasa dan tidak ditangani dengan sewajarnya maka ia bukan sahaja akan mengakibatkan kerugian dana awam bahkan integriti sektor awam dalam menjamin keselamatan dan kemakmuran bersama akan turut dipersoalkan.



KEPERLUAN ORGANISASI MENANGANI RASUAH DARIPADA PELBAGAI AKTIVITI

PENILAIAN RISIKO

Pengurusan risiko rasuah amat penting dalam memastikan risiko-risiko rasuah yang wujud dalam sesuatu perkara itu dapat dikenal pasti dan seterusnya dihapuskan ataupun dikurangkan. Dari segi konteks, apabila sesuatu risiko telah dapat dikenal pasti dalam sesuatu program ataupun projek, ia pasti akan dapat membantu pihak pengurusan tertinggi dalam membuat keputusan yang lebih tepat berkenaan sesuatu prosedur/projek/program.

Justeru itu, dalam pembangunan OACP KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah, pelbagai data telah diperolehi sepanjang penilaian risiko dijalankan. Data-Data tersebut adalah seperti berikut :

1. Pelan Pengurusan Risiko KPLB Sabah Dan Pejabat-Pejabat Daerah (CRM) 2016-2020

Merupakan satu alat pengurusan yang boleh membantu mewujudkan sebuah sistem pengurusan yang bercirikan antirasuah dan mendukung nilai integriti. Pelaksanaan CRM di dalam organisasi dapat membantu mengenal pasti risiko-risiko utama yang perlu dibanteras bagi mewujudkan tadbir urus terbaik di samping menutup ruang dan peluang rasuah, salah guna kuasa serta penyelewangan.

TAHAP RISIKO	JUMLAH	PELAN TINDAKAN
SIGNIFIKAN (SIGNIFICANT)	10	10
SEDERHANA (MODERATE)	6	6
RENDAH (LOW)	1	1
JUMLAH KESELURUHAN	17	17

Tahap risiko dan Pelan Tindakan Pengurusan Risiko Rasuah, KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah

2. Data Yang Dikumpulkan Dari Pelbagai Agensi

Data yang dikumpulkan dalam bentuk statistik atau laporan-laporan berkenaan kelemahan governans, integriti dan isu-isu rasuah daripada agensi-agensi lain iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Biro Pengaduan Awam (BPA). Keseluruhan data-data ini dirangkumkan bagi mengenal pasti isu-isu utama melibatkan aspek pelanggaran integriti dan kelemahan governans di KPLB Sabah dan pejabat-pejabat daerah.

3. Data Dalaman

Data dalaman merupakan statistik kesalahan dan tata tertib, aduan-aduan awam melalui Sistem i-Adu Unit Integriti Negeri Sabah, isu-isu yang dibangkitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah dan input-input daripada peserta-peserta bengkel OACP KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah.

4. Kaji Selidik Berkaitan Isu Rasuah, Governans dan Integriti KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah


Analisa data yang diperolehi daripada responden kaji selidik, bertujuan mengukur persepsi dan pandangan terhadap isu rasuah, governans dan integriti di peringkat KPLB Sabah dan pejabat daerah. Responden merupakan warga-warga KPLB Sabah dan pejabat-pejabat daerah daripada pelbagai peringkat.

Dalam usaha mendapatkan fakta yang mencukupi, setiap maklumat dan data yang diperolehi daripada sumber-sumber di atas telah dianalisa dan diperincikan untuk mengenal pasti risiko-risiko salah guna kuasa, penyelewengan dan rasuah yang berlaku dan mungkin berlaku di KPLB Sabah dan pejabat-pejabat daerah. Data daripada pelbagai sumber ini seterusnya dianalisa berdasarkan nilai kekerapan untuk tempoh lima (5) tahun dan impaknya kepada KPLB Sabah dan pejabat-pejabat daerah.

KUPASAN DATA


Pembangunan OACP KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah dijalankan dengan menggunakan sumber *hard data* dan *soft data* yang dikumpul bagi mendapatkan rumusan yang tepat. Kupasan kesemua data ini adalah penting bagi menyokong keperluan satu pelan khusus untuk mencegah perlakuan rasuah di KPLB Sabah dan pejabat-pejabat daerah secara khusus. Berikut adalah analisa data yang dikumpul dan penemuan hasil kaji selidik yang dihuraikan secara deskriptif.

1. Analisa ke atas data tatatertib di KPLB Sabah dan pejabat-pejabat daerah (2016-2020)



(Sumber : Unit Tatatertib Surahanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah)

Graf menunjukkan bilangan kes tatatertib yang berlaku di KPLB Sabah sepanjang tahun 2016 hingga tahun 2020. Terdapat 1 kes sahaja yang dicatatkan sepanjang tempoh tersebut iaitu pada tahun 2018.




(Sumber : Unit tatatertib Surahanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah)

Graf menunjukkan bilangan kes tatatertib yang berlaku di Pejabat-Pejabat Daerah iaitu sebanyak 18 kes sepanjang tahun 2016 hingga tahun 2020. Kes paling banyak direkodkan adalah pada tahun 2018 iaitu sebanyak 8 kes dan menurun pada tahun 2019 dan 2020 iaitu hanya mencatatkan bilangan kes sebanyak 1 kes sahaja.

Kes-kes tatatertib yang dipecahkan mengikut jenis kesalahan


1. Analisa ke atas data kes kesalahan tidak hadir bertugas bagi tahun 2016 hingga tahun 2020



(Sumber : Unit Tatatertib Surahanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah)

Graf menunjukkan Sepanjang tahun 2016 hingga 2020, bilangan kes kesalahan tidak hadir bertugas adalah sebanyak 6 kes sahaja. Bilangan kes yang paling banyak direkodkan adalah pada tahun 2016 (3 kes) manakala, pada tahun berikutnya 2017 (1 kes), 2018 (2 kes). Pada tahun 2019 dan 2020, masing-masing tidak mencatatkan sebarang kes kesalahan tidak hadir bertugas.


2. Analisa ke atas data kes kesalahan dadah bagi tahun 2016 hingga tahun 2020



(Sumber : Unit Tatatertib Surahanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah)

Graf menunjukkan bilangan kes kesalahan dadah bagi sepanjang tahun 2016 hingga tahun 2020 iaitu terdapat hanya 2 kes sahaja yang dicatatkan iaitu pada tahun 2016. Pada tahun-tahun berikutnya, tidak terdapat sebarang kes kesalahan dadah direkodkan.


3. Analisa ke atas data kes SPRM bagi tahun 2016 hingga tahun 2020



(Sumber : Unit Tatatertib Surahanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah)

Graf menunjukkan bilangan kes SPRM bagi sepanjang tahun 2016 hingga tahun 2020. Terdapat 2 kes sahaja dicatatkan iaitu pada tahun 2016 (1 kes) dan 2018 (1 kes).


4. Analisa ke atas data kes kes surcaj bagi tahun 2016 hingga tahun 2020



(Sumber : Unit Tatatertib Surahanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah)

Graf menunjukkan sepanjang tahun 2016 hingga 2020, bilangan kes surcaj adalah sebanyak 5 kes sahaja. Kes surcaj paling banyak direkodkan pada tahun 2018 iaitu sebanyak 4 kes dan diikuti pada tahun 2017 iaitu hanya 1 kes sahaja.

5. Analisa ke atas data kes pelanggaran tata kelakuan bagi tahun 2016 hingga tahun 2020




(Sumber : Unit Tatatertib Surahanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah)

Graf menunjukkan bilangan kes pelanggaran tata kelakuan. Dicatatkan, terdapat 2 kes sahaja sepanjang tempoh tahun 2016 hingga tahun 2020 iaitu, masing-masing tahun 2017 dan 2018 merekodkan 1 kes pelanggaran tatakelakuan.


1. Analisa isu Rasuah, Governans dan Integriti

Isu Rasuah Pejabat-Pejabat Daerah




Hasil kaji selidik menunjukkan sebilangan besar warga pejabat daerah mempunyai pengetahuan dan jelas tentang undang-undang, dasar, peraturan, pekeliling, arahan, garis panduan dan senarai tugas.


Isu Governans Pejabat-Pejabat Daerah



Isu Integriti Pejabat-Pejabat Daerah




2. Analisa berkaitan Punitif




Hasil kaji selidik menunjukkan sebilangan besar warga pejabat daerah (72%) percaya bahawa pejabat daerah memandang serius pelanggaran tata tertib oleh pegawai atau kakitangannya dan mengambil tindakan tata tertib yang sewajarnya.

3. Analisa berkaitan Kawalan Dalaman





Hasil kaji selidik menunjukkan sebilangan besar warga pejabat daerah (95%) mempercayai bahawa pejabat daerah telah mengamalkan kawalan dalaman yang berkesan dalam tadbir urus Kementerian.


1. Analisa isu Rasuah, Governans dan Integriti



Hasil kaji selidik menunjukkan sebilangan besar warga pejabat daerah mempunyai pengetahuan dan jelas tentang undang-undang, dasar, peraturan, pekeliling, arahan, garis panduan dan senarai tugas.




2. Analisa Berkaitan Punitif



Hasil kaji selidik menunjukkan hampir semua warga kementerian (96%) percaya bahawa pihak kementerian memandang serius pelanggaran tata tertib oleh pegawai atau kakitangannya dan mengambil tindakan tata tertib yang sewajarnya.

3. Analisa Berkaitan Kawalan Dalaman



Hasil kaji selidik menunjukkan sebanyak 46% warga kementerian mempercayai bahawa kementerian telah mengamalkan kawalan dalaman yang berkesan dalam tadbir urus Kementerian.

BAB 3

- Kerangka OACP KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah
- Aktiviti dan Bidang Utama Yang Terdedah Kepada Rasuah
- Masalah Pelanggaran Integriti Dan Tadbir Urus
- Keutamaan Strategi: Penekanan 17 Inisiatif
- Inisiatif 1 – 17



PRODUK KELUARAN BENGKEL PEMBUATAN GONG
KAMPUNG SUMANGKAP, MATUNGONG



BATIK CANTING PUSAT KEUSAHAWANAN DESA, KUDAT



PROMOSI PRODUK INDUSTRI DESA



DIALOG USAHAWAN KECIL DESA



PROGRAM SDSP: BENGKEL KRAFTANGAN
DI KAMPUNG BITOON, RANAU



PRODUK KELUARAN BENGKEL PARANG
KAMPUNG SIASAT KOTA BELUD

MENGENAI KERANGKA PELAN

Kerangka ini secara keseluruhannya bertujuan untuk mengenal pasti misi penting yang akan menyumbang kepada keberkesanan antirasuah, governans dan integriti di KPLB Sabah dan pejabat-pejabat daerah.

Beberapa bidang berisiko yang terdedah kepada pelakuan rasuah dan salah laku telah dikenal pasti melalui kajian dan analisa terperinci terhadap data dan dapatan kajian daripada pelbagai sumber.

Hasilnya, OACP KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah berjaya dihasilkan dengan berteraskan kerangka yang mengandungi misi, visi, tiga (3) matlamat, tiga (3) bidang keutamaan dan tiga (3) strategi.

Tiga (3) strategi ini pula dipecahkan kepada empat (4) objektif strategik yang mengandungi 17 inisiatif untuk dilakukan:

VISI

Membudayakan integriti dan antirasuah di kalangan warga kerja KPLB Sabah dan pejabat-pejabat daerah

MISI

KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah tanpa rasuah

MATLAMAT

1. Melahirkan modal insan yang berintegriti dan bebas rasuah.
2. Memastikan kecekapan, ketelusan dan amalan tadbir urus yang baik.
3. Memberikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti.

BIDANG KEUTAMAAN

1. Sektor Pentadbiran.
2. Perolehan Awam.
3. Penguatkuasaan Undang-undang.

STRATEGI


1. Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam.
2. M e m p e r t i n g k a t k a n Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam.
3. Penguatkuasaan Undang-Undang.

3
STRATEGI

4
OBJEKTIF STRATEGIK

17
INISIATIF





AKTIVITI DAN BIDANG UTAMA YANG TERDEDIAH KEPADA RASUAH, MASALAH PELANGGARAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS


PERTADBIRAN AWAM

Pentadbiran merujuk kepada istilah dari *administratio*, perkataan Latin. Menurut kamus *Royal Spanish Academy* (RAE), makna pertama dari konsep pentadbiran adalah perbuatan dan hasil mengurus (mengarahkan atau mengatur sesuatu). Pentadbiran awam pula dikaitkan dengan pengurusan perkhidmatan yang disediakan oleh negara dan dengan kumpulan entiti negara yang berdedikasi untuk mengembangkan fungsi-fungsinya.

Pemikiran dan falsafah mendefinisikan Pentadbiran Awam sebagai satu organisasi dan pengurusan sumber manusia dan benda-benda untuk mencapai tujuan kerajaan. Pentadbiran juga dikenali sebagai “satu seni dan sains pengurusan” (Ahmad Atory, 1997).

PEROLEHAN AWAM

Perolehan adalah satu proses yang dilakukan oleh sesebuah agensi bagi mendapatkan sesuatu keperluannya daripada pihak ketiga dengan menggunakan wang yang telah diperuntukkan mengikut undang-undang, tatacara dan garis panduan yang ditetapkan serta mengambil kira prinsip dan dasar semasa Kerajaan yang berkaitan. Berdasarkan kepada senario semasa, perolehan merupakan salah satu bidang dalam urusan Kerajaan yang paling terdedah kepada risiko rasuah dan salah guna kuasa.



AKTIVITI DAN BIDANG UTAMA YANG TERDEDAH KEPADA RASUAH, MASALAH PELANGGARAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS

PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Sebagai sebuah Negara yang berkembang maju dan sistematik, umum mengetahui bahawa didalam sesuatu organisasi baik sektor awam mahupun swasta, senantiasa tertakluk kepada undang-undang dan peraturan. Sebagai seorang penjawat awam, undang-undang dan peraturan seperti Peraturan-peraturan Pegawai Awam 2008, Arahan Perbendaharaan dan lain-lain yang berkaitan dengan Perkhidmatan Awam menjadi asas dan panduan dalam menjalankan tugas rasmi seharian.

Penerapan Integriti dan tadbir urus yang teratur akan dapat dipastikan dengan adanya penguatkuasaan undang-undang yang menyeluruh di semua peringkat organisasi. Oleh yang demikian, penguatkuasaan undang-undang yang berkesan dapat memastikan sesuatu organisasi tersebut dapat melaksanakan tanggungjawab jabatan sejajar dengan matlamat kerajaan.

KEUTAMAAN STRATEGI: PENEKANAN 17 INISIATIF

Terdapat sebanyak 17 Inisitif yang telah dikenal pasti di dalam OACP KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah. Inisiatif ini telah difokuskan berdasarkan jangkaan impak yang besar ke arah kejayaan OACP KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah dalam memantapkan integriti, tadbir urus dan antirasuah di KPLB Sabah dan pejabat-pejabat daerah. Kesemua 17 Inisiatif ini perlu diberi penekanan untuk tindakan oleh setiap peneraju yang melibatkan tiga (3) strategi utama OACP KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah.

STRATEGI 1

**Memperkukuhkan Kecekapan
Penyampaian Perkhidmatan
Awam**

STRATEGI 2


**M e m p e r t i n g k a t k a n
Keberkesanan dan Ketelusan
Perolehan Awam**

STRATEGI 3

**Meningkatkan Kecekapan dan
Profesionalisma Dalam Agensi
Penguatkuasaan**

BIL	INISIATIF	STRATEGI
1	Mengadakan kursus/taklimat/program kesedaran tentang etika penggunaan aset alih dan kenderaan jabatan.	STRATEGI 1
2	Mengadakan kursus/taklimat/program berkenaan tatacara dan tanggungjawab penyeliaan warga kerja.	STRATEGI 1
3	Mengadakan program-program berbentuk kerohanian dan penerapan nilai-nilai murni.	STRATEGI 1
4	Melaksanakan proses dan prosiding tatatertib yang tegas sebagai pengajaran kepada pelaku kesalahan tatatertib.	STRATEGI 1
5	Melaksanakan sebaran dan hebahan kes-kes yang telah dijatuhkan hukuman tatatertib kepada semua warga kerja sebagai pengajaran.	STRATEGI 1
6	Melaksanakan kursus/latihan berkaitan Akta Rahsia Rasmi dan pengurusan dokumen terperingkat kepada semua pegawai dan kakitangan.	STRATEGI 1
7	Mengadakan kursus/latihan berkenaan pematuhan dan pengurusan kewangan kerajaan kepada semua warga kerja.	STRATEGI 1
8	Melaksanakan pusingan kerja yang berkala dalam tempoh 3 hingga 5 tahun bagi jawatan yang sensitif dan tidak sensitif.	STRATEGI 1 (Objektif Kedua)
9	Mengadakan sesi libat urus secara berkala bersama bahagian/ unit/jabatan bagi mengenal pasti isu-isu yang berkaitan dengan tadbir urus dan integriti.	STRATEGI 1 (Objektif Kedua)
10	Melaksanakan naziran pematuhan bagi komponen tadbir urus ke bahagian/unit/jabatan bagi mengenal pasti tahap pematuhan pentadbiran, sistem kerja dan prosedur.	STRATEGI 1 (Objektif Kedua)

BIL	INISIATIF	STRATEGI
11	Mengehadkan pegawai yang boleh mengakses maklumat berkenaan proses perolehan.	STRATEGI 2
12	Menambahbaik jawatankuasa penilaian pembangunan projek sedia ada (Jawatankuasa Penilaian Pembangunan Projek, J3P dan Jawatankuasa Teknikal Penyelenggaraan, JKTP).	STRATEGI 2
13	Menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Harga.	STRATEGI 2
14	Meningkatkan pemahaman dan pematuhan peraturan tatacara kewangan.	STRATEGI 2
15	Pematuhan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pegawai Awam Negeri Sabah Tahun 2008 (PPPANS 2008).	STRATEGI 3
16	Penguatkuasaan Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992.	STRATEGI 3
17	Penguatkuasaan Ordinan Perlesenan Perniagaan 1948.	STRATEGI 3



“Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 adalah “Living Document” dan “milik kita semua”. Ia dianalisis secara teliti dengan kaedah penilaian risiko rasuah untuk kita kenal pasti bidang keutamaan yang memerlukan perhatian serius”

***Tan Sri Abu Kassim Mohamed
Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan
Antirasuah Nasional (GIACC)***

BAB 4

DWD ↓

➤ Pelan Tindakan OACP KPLB Sabah dan
Pejabat-Pejabat Daerah: Strategi 1 – 3



LIABA SANTI
KG.KIROKOT, TAMBUNAN

RUMAH ASAL



RUMAH BARU



JOSEPH SAIMBING
KG.PONONBURAN, TAMBUNAN



RUMAH PPRT TENOM

24/01/2012 21:59



RUMAH PPRT KAMPUNG NATAI TELIPOK, KOTA KINABALU

STRATEGI 1

Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

OBJEKTIF STRATEGI

❖ Memastikan Ketelusan dan Akauntabiliti Dalam Perkhidmatan Kerajaan

BIL.	RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNAN, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	KESAN RISIKO	INISIATIF/ TINDAKAN (TANGANI/ ATASI RISIKO)	UNIT/ BAHAGIAN PENERAJU/ PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN
1	Salahguna kenderaan dan aset kerajaan.	Kawal selia yang lemah. Kepentingan peribadi. Kelemahan integriti. Tidak ikut peraturan.	Kerosakan kenderaan dan aset kerajaan.	1. Mengadakan kursus/taklimat/program kesedaran tentang etika penggunaan aset alih dan kenderaan jabatan. 2. Mengenakan tindakan punitif kepada pelaku.	Pegawai Kenderaan dan Pegawai Aset Kementerian, Pejabat Daerah dan Pejabat Daerah Kecil.	Sekali setahun
2	Kegagalan menjalankan tugas dengan baik..	Kawal selia yang lemah. Kelemahan integriti.	Hasil kerja yang dikehendaki tidak tercapai.	1. Mengadakan kursus/taklimat/program berkenaan tatacara dan tanggungjawab penyeliaan warga kerja.	Pegawai Integriti Kementerian/ Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah Kecil.	Sekali setahun
3	Pegawai kurang sopan ketika bertugas/ tidak menghormati pegawai atasan dan rakan sekerja. Kegagalan dalam melaksanakan tugas dengan beretika dan sopan.	Kelemahan integriti.	Berlaku ketidakcekapan dalam penyampaian perkhidmatan. Imej jabatan terjejas.	1. Mengadakan program-program berbentuk kerohanian dan penerapan nilai-nilai murni. 2. PPPNS 2008.	Bahagian Khidmat Pengurusan Kementerian/ Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah Kecil.	4 kali setahun
4	Pelanggaran waktu bertugas/ masalah disiplin/ tidak hadir bertugas.	Kepentingan peribadi. Kelemahan integriti. Kelemahan kawalan dalaman.	Kualiti kerja yang dihasilkan tidak memuaskan. Imej dan reputasi kerja terjejas. Kepercayaan umum merosot.	1. Melaksanakan proses dan prosiding tatatertib yang tegas sebagai pengajaran kepada pelaku kesalahan tatatertib. 2. Mengenakan tindakan punitif kepada pelaku.	Jawatankuasa Tatatertib Kementerian/ Jawatankuasa Tatatertib Pejabat Daerah.	3 kali setahun

STRATEGI 1

Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

BIL.	RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNAN, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	KESAN RISIKO	INISIATIF/ TINDAKAN (TANGANI/ ATASI RISIKO)	UNIT/ BAHAGIAN PENERAJU/ PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN
				3. Mewajibkan sesi kaunseling kepada pegawai yang bermasalah.		
5	Masalah tata tertib dalam kalangan pegawai kerajaan.	Kurang kesedaran mengenai kes-kes dan hukuman kes tata tertib.	Imej dan reputasi kerajaan terjejas. Hasil kerja yang dikehendaki tidak tercapai.	1. Melaksanakan sebaran dan hebahan kes-kes yang telah dijatuhkan hukuman tata tertib kepada semua warga kerja sebagai pengajaran.	Jawatankuasa Tata tertib Kementerian dan Jawatankuasa Tata tertib Pejabat Daerah.	3 kali setahun (sekiranya ada)
6	Pegawai menyebarkan dokumen rasmi kepada umum.	Kurang pengetahuan mengenai Akta Rahsia Rasmi. Kelemahan integriti. Kelemahan kawalan dalaman.	Imej dan reputasi kerajaan terjejas. Kepercayaan umum merosot.	1. Melaksanakan kursus/latihan berkaitan Akta Rahsia Rasmi dan pengurusan dokumen terperingkat kepada semua pegawai dan kakitangan. 2. Mengenakan tindakan punitif dan tata tertib yang lebih tegas kepada pelaku. 3. Memperketat kawalan dan pemantauan dalam pengendalian dokumen rasmi.	Bahagian Khidmat Pengurusan Kementerian/ Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah Kecil.	Sekali setahun
7	Bebanan hutang berat.	Kurang pengetahuan dalam pengurusan kewangan sendiri.	Imej dan reputasi kerajaan terjejas. Hasil kerja yang dikehendaki tidak tercapai. Masalah kehadiran ke pejabat.	1. Mengadakan kursus/latihan berkenaan pematuhan dan pengurusan kewangan Kerajaan kepada semua warga kerja.	Bahagian Khidmat Pengurusan Kementerian/ Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah Kecil.	Sekali setahun

STRATEGI 1

Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

OBJEKTIF STRATEGI

❖ Memperkasa Perkhidmatan Awam Ke Arah Tadbir Urus Baik

BIL.	RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNAN, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	KESAN RISIKO	INISIATIF/ TINDAKAN (TANGANI/ ATASI RISIKO)	UNIT/ BAHAGIAN PENERAJU/ PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN
8	Menyalahgunakan kuasa dan kedudukan yang disandang.	Pegawai terlalu lama dalam satu-satu jawatan. Kepentingan peribadi. Kelemahan integriti.	Imej dan reputasi kerajaan terjejas. Kepercayaan umum merosot.	1. Melaksanakan pusingan kerja yang berkala dalam tempoh 3 hingga 5 tahun bagi jawatan yang sensitif dan tidak sensitif.	Bahagian Khidmat Pengurusan Kementerian/ Pejabat Daerah/ Pejabat Daerah Kecil.	3 hingga 5 tahun
9	Kurang berintegriti.	Tidak ada libat urus secara berkala dibuat.	Imej dan reputasi jabatan terjejas.	1. Mengadakan sesi libat urus secara berkala bersama bahagian/unit/ jabatan bagi mengenalpasti isu-isu yang berkaitan dengan tadbir urus dan integriti.	Bahagian Khidmat Pengurusan Kementerian/ Pejabat Daerah/ Pejabat Daerah Kecil.	3 kali setahun (sekiranya ada)
10	Ketidakpatuhan dalam proses kerja dan prosedur.	Tidak ada pemantauan ke bahagian/unit dalam pematuhan proses kerja.	Hasil kerja kurang berkualiti. Berpotensi melakukan kesilapan dalam sesuatu keputusan yang dibuat. Berlaku ketidakcekapan dalam penyampaian perkhidmatan. Imej jabatan terjejas.	1. Melaksanakan naziran pematuhan bagi komponen tadbir urus ke bahagian/ unit/jabatan bagi mengenalpasti tahap pematuhan pentadbiran, sistem kerja dan prosedur.	Bahagian Khidmat Pengurusan Kementerian/ Pejabat Daerah/ Pejabat Daerah Kecil.	2 kali setahun

STRATEGI 2

Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam

OBJEKTIF STRATEGI

❖ Meningkatkan Ketelusan Perolehan Awam dan Mengurangkan Risiko Rasuah

BIL.	RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNAN, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	KESAN RISIKO	INISIATIF/ TINDAKAN (TANGANI/ ATASI RISIKO)	UNIT/ BAHAGIAN PENERAJU/ PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN
11	Kebocoran maklumat sebutharga.	Kurang kawalan terhadap pegawai yang boleh mengakses maklumat. Kelemahan kawalan dalaman.	Imej dan reputasi jabatan terjejas. Kepercayaan umum merosot. Barang/ Perkhidmatan tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan. Persepsi negatif pembekal dan orang awam.	1. Menghadkan pegawai yang boleh mengakses maklumat berkenaan proses perolehan.	Jawatankuasa Sebutharga Kementerian/ Jawatankuasa Sebutharga Pejabat Daerah.	4 kali setahun
12	Dokumen permohonan projek tidak lengkap dan menepati syarat permohonan.	Beban tugas yang banyak. Tempoh Penyediaan yang singkat. Tiada siasatan keperluan permohonan.	Hasil permohonan projek yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat yang ditetapkan. Cadangan projek yang tidak berimpak. Pembaziran peruntukan.	1. Menambahbaik jawatankuasa penilaian pembangunan projek sedia ada (Jawatankuasa Penilaian Pembangunan Projek, J3P dan Jawatankuasa Teknikal Penyelenggaraan, JKTP).	Pejabat Daerah/ Pejabat Daerah Kecil.	4 kali setahun
13	Harga sesuatu projek tidak sekata.	Tidak ada mekanisme penilaian harga.	Pembaziran peruntukan. Reputasi jabatan terjejas.	Menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Harga.	Unit Kejuruteraan KPLB Sabah/ Unit Pembangunan Daerah.	4 kali setahun
14	Terlalu banyak teguran daripada bendahari.	Kurang pengetahuan tentang tatacara kewangan. Birokrasi yang rumit.	Pembayaran lewat. Reputasi jabatan terjejas.	Meningkatkan pemahaman dan patuhan peraturan tatacara kewangan.	Bahagian Kewangan/ Pejabat Daerah/ Pejabat Daerah Kecil.	4 kali setahun

STRATEGI 3

Penguatkuasaan Undang-Undang

OBJEKTIF STRATEGI

❖ Meningkatkan Kecekapan dan Profesionalisma Dalam Agensi Penguatkuasaan

BIL.	RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNAN, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	KESAN RISIKO	INISIATIF/ TINDAKAN (TANGANI/ ATASI RISIKO)	UNIT/ BAHAGIAN PENERAJU/ PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN
15	Pegawai sering melanggar peraturan perkhidmatan awam.	Kurang kesedaran terhadap pematuhan PPPANS 2008.	<p>Terdedah kepada tindakan undang-undang dari pihak luar.</p> <p>Berpotensi dalam melakukan kesilapan dalam sesuatu keputusan.</p> <p>Imej jabatan terjejas.</p>	1. Pematuhan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pegawai Awam Negeri Sabah Tahun 2008 (PPPANS 2008).	Bahagian Khidmat Pengurusan Kementerian/Pejabat Daerah/Pejabat Daerah Kecil.	4 kali setahun
16	Keputusan kehakiman/prosiding tidak tepat.	<p>Kurang pengetahuan tentang enakmen.</p> <p>Campur tangan politik/orang berkepentingan dalam membuat keputusan.</p> <p>Mempunyai hubungan persaudaraan dengan tertuduh.</p>	<p>Hukuman tidak setimpal dengan kesalahan.</p> <p>Reputasi jabatan terjejas.</p> <p>Pelanggaran peraturan/prosedur/undang-undang/dasar.</p>	Penguatkuasaan Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992.	Pejabat Daerah/Pejabat Daerah Kecil.	4 kali setahun
17	Tidak telus dalam merekod hasil yang diterima.	<p>Kurang pengetahuan dalam Ordinan Perlesenan Perniagaan.</p> <p>Kepentingan peribadi.</p> <p>Kelemahan integriti.</p> <p>Kelemahan kawalan dalaman.</p>	<p>Reputasi jabatan terjejas.</p> <p>Persepsi negatif orang awam terhadap petugas di Bahagian/Unit Hasil.</p>	Penguatkuasaan Ordinan Perlesenan Perniagaan 1948.	Unit Hasil Pejabat Daerah.	4 kali setahun

BAB 5

- Mekanisma Pelaksanaan dan Pemantauan
- Mekanisma Penyelarasan dan Penilaian



PELANCARAN 'SABAH MAJU JAYA' (SMJ)



LAWATAN KE BENGKEL BURUNG WALIT, KUDAT



KURSUS PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN JKKK / JKDB, KOTA BELUD



LAWATAN MENTERI KE PUSAT KEMAHIRAN MASYARAKAT, MANSIANG



LAWATAN MENTERI KE PEJABAT DAERAH SEMPORNA

MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

Untuk memastikan inisiatif antirasuah dilaksanakan secara cekap dan berkesan, proses pelaporan secara sistematik akan dilaksanakan melalui Jawatankuasa Antirasuah (JAR) KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah yang bersidang sebanyak tiga kali setahun. Mesyuarat ini akan dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap KPLB Sabah yang berperanan untuk menilai pelaksanaan inisiatif-inisiatif OACP KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah serta membuat keputusan bagi isu-isu berkaitan.

Selaras dengan itu, pihak kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan OACP KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah sebagaimana Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 Sri 2 No.1 Tahun 2019 - Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menggubal dan mewujudkan OACP KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah seterusnya memantau prestasi pelaksanaannya untuk dibentangkan kepada Pihak Pengurusan secara berkala. Sekiranya OACP KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah memerlukan penambahbaikan, jawatankuasa ini akan mencadangkan penambahbaikan yang diperlukan bagi persetujuan Pengurusan Tertinggi KPLB Sabah.

Unit Integriti akan bertanggungjawab sebagai sekretariat yang akan melaksanakan aktiviti-aktiviti pelaporan dan mendapatkan maklum balas daripada peneraju-peneraju inisiatif di samping bertindak sebagai pemudah cara yang akan menyelaras keperluan pihak-pihak berkaitan dalam pelaksanaan OACP KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah. Dalam masa yang sama, unit ini juga merupakan peneraju bagi inisiatif-inisiatif yang melibatkan pengukuhan integriti, pematuhan dan tatatertib.

**JAWATANKUASA
ANTIRASUAH (JAR)
KEMENTERIAN**

**JAWATANKUASA
PEMBANGUNAN OACP
DAN PEJABAT DAERAH**

**Dipengerusikan oleh
Setiausaha Tetap**

**Dipengerusikan oleh
Setiausaha Tetap**

- Menerima Laporan Suku tahun OACP daripada Jawatankuasa Pembangunan OACP.
- Mendapatkan penjelasan daripada pelaksana pelan tindakan.
- Mengasah dasar dan membuat keputusan.
- Memperakukan isu dan laporan untuk dikemukakan kepada JAR Kementerian.

Unit Integriti sebagai sekretariat bagi menilai prestasi semasa inisiatif yang dilaksanakan melalui laporan pemantauan berkala.

**JAWATANKUASA
ANTIRASUAH (JAR)
PEJABAT DAERAH**

Keahlian

Pegawai Gred 41 ke atas dan semua Pegawai Daerah/ Penolong Pegawai Daerah Kecil

Urusetia

Unit Integriti
Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah/
Pejabat Daerah dan Pejabat Daerah Kecil

- Memantau prestasi pelaksanaan inisiatif.
- Mendapatkan penjelasan daripada pelaksana.
- Menyediakan laporan suku tahun dan laporan penuh pencapaian OACP.
- Memperakukan laporan prestasi OACP untuk dikemukakan kepada JAR Kementerian.

MEKANISME PENYELARASAN DAN PENILAIAN

Keutamaan penilaian bagi memastikan setiap tindakan yang telah dilakukan mencapai jangkaan dan matlamat OACP KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah merupakan amalan penting yang harus dipraktikkan. Oleh itu, pemantauan dan penilaian akan dijalankan dalam mengenalpasti kemajuan dan prestasi pelaksanaan setiap strategi dan inisiatif berdasarkan mekanisme berikut :

Jawatankuasa Pelaksanaan & Pemantauan

Laporan dikemukakan oleh Unit Integriti kepada JAR

Jawatankuasa Antirasuah (JAR) KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah

Sekreteriat Unit Integriti

Menyediakan laporan ringkas & analisis

- Mesyuarat dwitahunan.
- Penilaian kualitatif dan kuantitatif semua pelan tindakan.
- Memantau prestasi pelaksanaan inisiatif.
- Mendapatkan penjelasan daripada pihak pelaksana.
- Menyediakan laporan prestasi untuk dikemukakan kepada JAR.

Peneraju Pelan Tindakan

Mengemukakan laporan setiap suku tahun kepada Unit Integriti

KESIMPULAN

Kementerian bertekad dalam melaksanakan strategi yang telah dirangka. Oleh itu, pihak kementerian juga berazam untuk memastikan semua warganya termasuk dari pejabat-pejabat daerah bebas daripada gejala rasuah dan mempunyai tahap integriti yang tinggi. Tekad ini akan dapat dicapai dengan satu permuafakatan yang utuh dalam mengenal pasti bentuk-bentuk ancaman dan risiko yang membelenggu warga kementerian dan pejabat-pejabat daerah pada masa kini sehingga menggugat nilai, etika dan tadbir urus secara keseluruhannya. Tekad ini juga yang telah membantu melancarkan usaha semua pihak dalam membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah.

VISI OACP : KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah Sejahtera Tanpa Rasuah semestinya menjadi iltizam dan komitmen yang berterusan bagi setiap warga KPLB Sabah dan pejabat-pejabat daerah. Visi ini perlu dihayati dan menjadi identiti serta aspirasi warga KPLB Sabah dan pejabat-pejabat daerah dalam setiap urusan harian. Dengan aspirasi tersebut, OACP KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah yang merupakan gambaran usaha pencegahan rasuah akan dapat direalisasikan oleh semua pihak bagi menangani isu tadbir urus, integriti dan antirasuah secara holistik dan mampan.

Bagi memastikan kelangsungan OACP KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah yang dibangunkan, komitmen warga kementerian dan pejabat-pejabat daerah amat diperlukan menerusi pelaksanaan keseluruhan inisiatif yang telah digariskan termasuk pemantauan dan penilaian secara konsisten. Dengan ini, usaha yang dijalankan sentiasa relevan dan dapat diukur tahap keberkesannya seiring dengan perubahan semasa dan pengaplikasian teknologi yang pesat membangun.

PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Anggota-Anggota
Pentadbiran Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah:

YB Datuk Jahid Jahim
Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah

YB Tuan Harun Bin Durabi
Pembantu Menteri I
Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah

YB Tuan Samad Jambri
Pembantu Menteri II
Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah

Yang Berbahagia Datuk Haji Faimin Bin Kamin
Setiausaha Tetap
Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah

Yang Berusaha Tuan Aftar Bin Nurajat
Timbalan Setiausaha Tetap I
Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah

Yang Berusaha Tuan Maddinin Bin Jemin
Timbalan Setiausaha Tetap II
Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah

Semua Setiausaha Rendah,
Semua Ketua Penolong Setiausaha dan Ketua Unit
Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah

PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Anggota-anggota Pentadbiran, KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah

PENGHARGAAN YANG TIDAK TERHINGGA KEPADA
JAWATANKUASA PEMBANGUNAN OACP KPLB
SABAH DAN PEJABAT-PEJABAT DAERAH

Pengerusi :

Datuk Haji Faimin bin Kamin

Ahli-Ahli :

Tuan Aftar bin Nurajat

Tuan Maddinin Jemin

Encik Norsafi bin Haji Dukah

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

Puan Siti Zuraihan binti Ag. Mohd Hussin

Puan Jean Shat Fu Yi

Encik Mohd Azmy @ Aming Majirun

Puan Hajah Hasnah Taufek

Encik Mohd Fadzy bin Ag. Osman

Encik Modestus Stewot

Puan Ahayati Arif

Puan Ainil Diyana Abu Bakar Nusu

Encik Mas Syazwan bin Masood

Puan Monica Gualin

**PENGHARGAAN JUA KEPADA TENAGA KEPAKARAN
SURUHANJAYA PENCEGAHAN
RASUAH MALAYSIA
(SPRM)**

Encik Hazrul Shazreen Bin Abd Yazid
Timbalan Pengarah (Operasi)

Puan Sukarni Binti Karim
Penolong Pegawai Siasatan

Terima kasih jua diucapkan kepada Urusetia Pembangunan OACP Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah iaitu, pegawai dan kakitangan Unit Integriti serta semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Semoga penghasilan pelan ini menjadi bukti usaha untuk menyematkan nilai integriti dikalangan warga kementerian dan pejabat-pejabat daerah.



**BENGKEL PEMBANGUNAN OACP BERSAMA PEJABAT DAERAH
PADA 13 OKTOBER 2021**



**SEMAKAN BERSAMA JAWATANKUASA PEMBANGUNAN OACP
PADA 21 JANUARI 2022**



**SEMAKAN BERSAMA JAWATANKUASA PEMBANGUNAN OACP
KEMENTERIAN DAN PEJABAT-PEJABAT DAERAH
PADA 25 JANUARI 2022**